

### Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat ini,

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada alergi terhadap sebarang ubat.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang ubat yang anda ambil, terutamanya ubat untuk kemurungan, penyakit jantung, tekanan darah tinggi, selesema, pengenduran otot, sedatif dan ubat tidur.
- Beritahu doktor anda jika anda pernah atau sedang menghidapi penyakit hati.
- Ubat ini mungkin boleh menyebabkan sesetengah orang berasa mengantuk atau kurang berjaga berbanding daripada keadaan biasa. Jangan memandu atau mengendalikan mesin selama 12-24 jam selepas dos pertama atau selepas dos anda telah ditambah.

Pening, pitam atau tak sedarkan diri secara mendadak mungkin berlaku, terutamanya semasa anda bangun daripada keadaan terlantar atau duduk. Kesan-kesan ini kemungkinan besar berlaku selepas anda mengambil dos pertama ubat ini. Dengan sebab ini, adalah dinasihatkan mengambil dos pertama ubat ini pada waktu malam. Jika kesan tersebut berlaku, baring sehingga tanda-tanda ini hilang sepenuhnya, kemudian bangun dengan sangat perlahan-lahan.

### Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat ini di dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari secara langsung.



# Risalah Maklumat Untuk Pesakit



# Ubat Pengendur Otot Prostat Prostate - Related Relaxants

Prazosin • Terazosin • Alfuzosin

## MENGENAI ubat anda

Ubat ini digunakan untuk merawat hipertrofi prostate yang tidak berbahaya (pembesaran prostat) di kalangan lelaki.

Ubat ini kadang-kala diberikan untuk kegunaan lain; periksa dengan doktor atau ahli-ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut.

Ubat	Fungsi
Prazosin (Minipress®)	Bertindak dengan mengendurkan otot-otot pada pundi kencing dan prostat. Mereka boleh didapati dalam bentuk tablet.
Terazosin (Hytrin®)	
Alfuzosin (Xatral®)	

## BAGAIMANA cara saya mengambil ubat ini?

Anda patut ambil ubat seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Minta nasihat dari ahli farmasi anda jika anda tidak pasti cara betul untuk mengambil ubat anda.

Dos pertama diambil pada waktu malam sebelum anda tidur. Jangan berhenti mengambil ubat tanpa minta nasihat doktor anda.

## Apakah yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda lupa ambil satu dos, ambil dos ini dengan serta-merta sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang lupa diambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

## Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Walaupun kesan-kesan sampingan adalah jarang, ini masih boleh berlaku. Kesan-kesan sampingan ini mungkin akan hilang semasa rawatan apabila badan anda telah menyesuaikan diri dengan ubat ini. Bagaimanapun, periksa dengan doktor anda jika salah satu daripada kesan-kesan sampingan ini berlarutan atau mengganggu.

Ubat	Kesan-kesan sampingan
Prazosin (Minipress®)	Cemas
Terazosin (Hytrin®)	Pening
Alfuzosin (Xatral®)	Sakit kepala Letih Sakit perut Peningkatan kekerapan membuang air kencing

Minta nasihat doktor anda jika anda mengalami apa-apa kesan-kesan sampingan semasa ambil ubat ini.

Jika anda mengalami salah-satu daripada simptom-simptom berikut, hubungi doktor anda dengan segera:

- Sukar bernafas
- Denyutan jantung yang tidak teratur
- Denyutan jantung yang cepat
- Sakit dada

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak